

31/07/1997

Program Aids lebih menyeluruh

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Majikan disaran supaya melaksanakan program Aids yang lebih menyeluruh bagi pekerja mereka berikutan jumlah rakyat Malaysia yang dijangkiti virus itu semakin meningkat.

Pengerusi Persatuan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata program berkenaan penting bagi menyampaikan maklumat tepat kepada pekerja mengenai penyakit itu serta bagaimana cara jangkitan.

Beliau berkata, majikan juga perlu menyedarkan pekerja bahawa tiada sebab mereka boleh dijangkiti HIV atau Aids di tempat kerja jika mengambil langkah pencegahan yang perlu.

Menurutnya, walaupun jumlah mereka yang dijangkiti HIV positif sebanyak 21,026 kes, manakala Aids sebanyak 945 kes yang membabitkan 800 kematian sehingga kini, kedudukan purata 300 pesakit sebulan membimbangkan.

Berikutan itu, katanya, langkah pencegahan awal yang menyeluruh perlu dilaksanakan oleh semua pihak, termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Katanya, majikan sepatutnya mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan pendidikan mengenai jangkitan HIV dan Aids kepada pekerja sebagai langkah pencegahan daripada sentiasa bergantung kepada kerajaan dan badan bukan kerajaan yang ada.

"Syarikat sepatutnya memberikan pendidikan dan maklumat mengenai penyakit ini kepada pekerja kerana ia memberi faedah jangka panjang dalam bentuk produktiviti dan kos perubatan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan sesi dialog 'Aids Di Tempat Kerja' di Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Institut Teknologi Mara, di sini, hari ini.

Hadir pada majlis itu ialah Dekan Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Prof Madya Dr Mohd Tahir Abdul Hamid dan Pengarah Urusan Glaxo Wellcome, Zainal Majid.

Marina berkata, beberapa syarikat multinasional sudah memperkenalkan program Aids kepada pekerja dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia yang membantu menyediakan bahan untuk latihan dan pendidikan.

"Sehingga hari ini, yayasan sudah mengadakan perbincangan dengan lapan syarikat yang sedia mengendalikan program Aids sendiri kepada pekerja melalui Majlis Perniagaan Aids Malaysia yang baru ditubuhkan," katanya.

Beliau juga menegaskan, bahawa melalui perbincangan pendidikan, pihak pengurusan juga akan mengetahui dengan lebih terperinci mengenai penyakit itu dan bagaimana berurusan dengan pekerja yang dijangkiti.

"Yayasan ini juga menerima laporan ada pekerja yang menghidapi HIV dan Aids ditamatkan perkhidmatan walaupun bukan atas alasan penyakit itu.

"Kita akan cuba membantu pesakit ini walaupun undang-undang mengenainya masih belum dicuba di negara ini," katanya.

(END)